

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

2024

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

PERATURAN PEMARKAHAN

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan herba tradisional.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **penggunaan herba tradisional dalam kalangan masyarakat.***

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan.***

Kehendak / tugas soalannya:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan kebaikan / manfaat / faedah / kepentingan **penggunaan herba tradisional dalam kalangan masyarakat.**
 - ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
 - Merawat penyakit
 - Meningkatkan aroma
 - iii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
 - iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **penggunaan herba tradisional dalam kalangan masyarakat** - diterima dan disemak seperti biasa.
 - v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vi. Calon menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
 - viii. Jika calon menyentuh fokus lain (punca/langkah) - maksimum peringkat **memuaskan**)
- **Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**
 - Komen - Cemerlang
 - T - menepati tema
 - I - relevan, huraian jelas dan matang
 - B - gramatis dari segi kata dan ayat
 - P - menarik dan berkesan

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memperluas dan memperkukuh pelaksanaan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) di sekolah rendah dan sekolah menengah di negara ini. Pendekatan sempurna yang lebih holistik dan sarat dengan mesej perpaduan ini diyakini mampu memberi impak langsung kepada agenda pembentukan semangat patriotisme yang akhirnya membawa kepada keamanan negara.

Sumber: www.bharian.com

Pada pendapat anda, selain saranan yang telah dinyatakan dalam petikan di atas, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan semangat tersebut dalam kalangan generasi muda di negara kita?

Kehendak / tugas soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan semangat patriotisme selain program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).**

- Ibu bapa
- Pihak sekolah
- Pihak kerajaan
- Media massa
- Masyarakat / pemimpin masyarakat
- Rakan sebaya

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan banyak langkah, melibatkan satu pihak – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan satu langkah, melibatkan pelbagai pihak – terima seperti biasa.
3. Calon tidak menyatakan pihak – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea daripada petikan sahaja- maksimum peringkat **BAIK**.
5. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**

*Jika calon menyentuh tema perpaduan, namun dalam huraian ada disentuh frasa semangat patriotisme - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

*Jika calon menyentuh tema perpaduan, namun dalam huraian tiada frasa semangat patriotisme - maksimum peringkat **BAIK**.

2. Penggunaan bahasa asing sememangnya meninggalkan impak negatif yang semakin ketara. Keadaan ini jika dibiarkan berlarutan dalam kalangan masyarakat akan mencemarkan martabat bahasa Melayu di negara kita. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan bahasa Melayu semakin dipinggirkan.

Sumber: www.bharian.com.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan faktor-faktor tersebut.

Kehendak / Tugas soal:

Calon dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor bahasa Melayu semakin dipinggirkan.**

- Sikap masyarakat
- Pengaruh teknologi
- Dasar kerajaan
- Tiada didikan daripada ibu bapa
- **Penggunaan bahasa asing**

- i. Jika calon menyentuh idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain - diterima seperti biasa.
- ii. Jika calon menggunakan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - diterima seperti biasa.

3. Sambutan Hari Buku Sedunia telah ditetapkan pada 23 April setiap tahun. Usaha ini dicetuskan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi menggalakkan pembacaan, penerbitan dan hak cipta. Bagi menyahut objektif ini, pihak sekolah dicadangkan untuk memperkasakan program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM), mengadakan pameran buku dan menganjurkan pertandingan-pertandingan berkaitan amalan membaca.

Sumber: bhrencana@bh.com.my

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah bagi memupuk amalan tersebut.

Cadangan Jawapan

Kehendak / tugas soalannya

Calon dikehendaki **menghuraikan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah bagi memupuk amalan membaca seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:**

- Memperkasakan program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM)
- Mengadakan pameran buku
- Menganjurkan pertandingan-pertandingan berkaitan amalan membaca

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan langkah-terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menggunakan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan- maksimum peringkat **BAIK**.

4.

Sejak penubuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) pada 8 Ogos 1967, Malaysia merupakan negara yang terawal menganggotai ASEAN sejak penubuhannya. Hubungan luar Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain adalah untuk menjamin keselamatan negara, meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memudahkan bantuan disalurkan semasa bencana alam berlaku.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan yang baik dengan negara luar.

Cadangan Jawapan

Kehendak / tugas soal

Calon dikehendaki **menghuraikan kepentingan-kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan yang baik dengan negara luar seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:**

- Menjamin keselamatan negara
- Meningkatkan pertumbuhan ekonomi
- Memudahkan bantuan disalurkan semasa bencana alam berlaku

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan kepentingan- terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menggunakan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan- maksimum peringkat **BAIK**.

Komen - Cemerlang
T - menjawab tugas
I - relevan, huraian jelas dan matang, contoh sesuai
B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
P - sangat menarik dan berkesan

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

Catatan:

* Bilangan perkataan 511 dan ke atas - maksimum peringkat **KEPUJIAN**

*Bilangan perkataan 339 dan ke bawah - maksimum peringkat **Baik**